

SHMMP Tahun Baru Cina dilaksana 14 hari

PUTRAJAYA - Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina 2020 akan dilaksanakan selama 14 hari bermula 20 Januari sehingga 2 Februari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, tempoh pelaksanaan tahun ini ditambah empat hari berbanding 10 hari tahun lalu iaitu lima hari sebelum perayaan, pada hari perayaan (25 Januari) dan lapan hari selepas perayaan.

Menurutnya, sebanyak 16 jenis barangan terlibat dalam SHMMP Tahun Baru Cina 2020 berbanding 13 jenis barangan sebelum ini iaitu penambahan tiga jenis barangan membabitkan cili merah, tomato dan ubi kentang import dari China.

"Barangan lain yang dikawal harga, antaranya ayam, telur

ayam, sayuran, barang kering, hasil laut dan daging khinzir.

"Semua barangan ini mendapat permintaan tinggi oleh masyarakat yang menyambut Tahun Baru Cina, oleh itu kawalan harga adalah bagi menstabilkan harga dan bekalan di pasaran," katanya pada sidang media di sini semalam.

Saifuddin turut memberi jaminan bahawa bekalan barangan khususnya 16 jenis di bawah pelaksanaan SHMMP itu adalah mencukupi.

Katanya, daripada 13 jenis barangan yang dikawal, tahun ini menyaksikan kenaikan harga bawang putih iaitu harga runcitnya adalah RM9 sekilo berbanding RM7 sekilogram tahun lalu dan daging khinzir dengan harga runcit naik RM16 sekilogram bagi daging dan lemak berbanding RM15 sebelum ini.